



## MAJLIS DAERAH MARANG

# IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada **RAKYAT NEGERI TERENGGANU** yang berkelayakan dan memenuhi syarat serta berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:

JAWATAN	: PENOLONG JURUTERA (GRED JA29)
KUMPULAN	: KUMPULAN PELAKSANA
PERKHIDMATAN	
KLASIFIKASI	: KEJURUTERAAN
PERKHIDMATAN	
TARAF JAWATAN	: KONTRAK UNTUK PERKHIDMATAN ( <i>CONTRACT FOR SERVICE</i> )
JUMLAH	: SATU (1) KEKOSONGAN JAWATAN
KEKOSONGAN	

### SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada Rakyat Negeri Terengganu
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- c) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Bayaran perkhidmatan: RM 1,549.00); atau
- d) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Bayaran perkhidmatan: RM 1,935.02)
- e) Keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam bidang berkaitan

### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### DESKRIPSI TUGAS:

1. Menjalankan kerja-kerja pelaksanaan projek bagi SOP kerja kejuruteraan awam.
2. Mengumpul maklumat untuk penyediaan rekabentuk, menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan dan merekod inventori.
3. Mengawasi kerja-kerja di tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja pengawasan pembinaan di tapak projek dan menyediakan laporan kemajuan projek.
4. Membantu penyediaan inden, sebutharga dan tender.

## **SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN:**

- (i) Tempoh lantikan Kontrak Untuk Perkhidmatan (*Contract For Service*) adalah selama satu (1) tahun.
- (ii) Tiada jaminan untuk dilantik ke jawatan tetap bagi lantikan Kontrak Untuk Perkhidmatan (*Contract For Service*).
- (iii) Bayaran Perkhidmatan adalah seperti mana yang dinyatakan dalam iklan jawatan kosong.

## **PANDUAN PERMOHONAN (PENTING - SILA AMBIL PERHATIAN):**

1. Permohonan hendaklah dibuat **secara atas talian sahaja** melalui portal Majlis Daerah Marang (<http://www.mdmarang.gov.my>) atau (<http://ekerja.mdmarangonline.gov.my>).
2. Permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat yang ditetapkan adalah ditolak. Permohonan yang diterima daripada calon-calon yang tidak memenuhi kelayakan yang disyaratkan dalam iklan ini tidak akan dipertimbangkan.
3. Sila isi semua maklumat dan muatnaik dokumen yang diperlukan. Kegagalan memuatnaik dokumen boleh menyebabkan permohonan tidak lengkap/ditolak serta terbatal. **Senarai dokumen sebagaimana berikut yang perlu dimuatnaik:**
  - i) Salinan Kad Pengenalan Pemohon, Ibu dan Bapa
  - ii) Salinan Sijil Kelahiran Pemohon
  - iii) Salinan Sijil SPM/Sijil SVM beserta transkrip keputusan
  - iv) Salinan Sijil/Diploma dalam bidang kejuruteraan beserta transkrip keputusan
4. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan/senarai pendek sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
5. Permohonan dianggap **TIDAK BERJAYA** sekiranya tidak menerima sebarang maklum balas dalam masa enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan. Tiada makluman bersurat akan dikeluarkan oleh Majlis Daerah Marang.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 10 JULAI 2021 (SABTU)**

**BERTARIKH: 20 JUN 2021**